

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI (IGAN)

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina Ibu Pejabat Polis Daerah Daro (IPD) yang baru memandangkan IPD yang ada sekarang ini sudah terlalu lama dan daif serta tidak mencukupi untuk menempatkan pegawai sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyenaraikan pembangunan baru khususnya bagi menggantikan bangunan-bangunan lama yang mana ianya tidak lagi ekonomik untuk diselenggara dan dibaiki. Perancangan pembinaan IPD Matu Daro yang baharu telah disenaraikan dalam Rancangan Pelaksanaan Program/Projek Pelan Strategik PDRM (PSPDRM) tahun 2021 hingga 2025 di bawah pakej Rancangan Malaysia Lima Tahun dalam usaha PDRM untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan imej serta tahap rasa selamat penduduk. Pada masa ini, pihak Kementerian dan PDRM sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaiktaraf premis PDRM yang uzur. Walau bagaimanapun, cadangan projek ini akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya setelah semakan keutamaan dibuat dan tertakluk kepada kelulusan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.